

MINI PROJEK

[100 markah]

ARAHAN:

- 1) Mini projek ini mestilah dilaksanakan secara berkumpulan dengan bilangan ahli kumpulan mengikut kesesuaian bilangan pelajar di dalam kelas.
- 2) Laporan setiap kumpulan perlu dihantar secara bercetak kepada pensyarah penilai.

SOALAN:

Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) secara umumnya, merupakan tanggungjawab syarikat kepada pihak-pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung untuk sebarang aktiviti syarikat. Aktiviti CSR antaranya menyumbang terhadap keupayaan sumber manusia di dalam syarikat dan masyarakat, meningkatkan ekonomi masyarakat dan memelihara persekitaran fizikal dan sosial. Pada masa yang sama, mencapai objektif utama perniagaan iaitu memaksimumkan keuntungan. Justeru itu:

- a) Pelajar dikehendaki untuk merancang dan melaksanakan aktiviti CSR yang **CLO 3** bersesuaian mengikut perbincangan bersama dengan Pensyarah Kursus masing-masing. Berikut adalah cadangan aktiviti CSR untuk dilaksanakan iaitu:
 - i. Khidmat masyarakat pembersihan seperti membersihkan pinggir sungai/pantai, rumah anak yatim/warga emas, masjid/surau dan lain-lain lagi atau,
 - ii. Memberikan khidmat rundingan pemasaran dalam talian kepada peniaga kecil atau,
 - iii. Mengumpul dan menderma barang keperluan kepada keluarga atau golongan yang memerlukan.
- b) Setiap kumpulan perlu menyediakan laporan pelaksanaan aktiviti CSR tersebut.

- c) Laporan CSR perlu mengandungi butiran seperti berikut:
- i. Pengenalan kepada Tanggungjawab Sosial Korporat.
 - ii. Pengenalan tentang aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat yang dipilih.
 - iii. Objektif Pelaksanaan aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat.
 - iv. Impak/Kesan pelaksanaan aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat.
 - v. Tarikh dan Tempat pelaksanaan aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat.
 - vi. Atur Cara Pelaksanaan aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat.
 - vii. Jawatankuasa Pelaksana aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat.
 - viii. Perbelanjaan pelaksanaan aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat.
 - ix. Laporan Bergambar.
 - x. Kesimpulan Pelaksanaan Aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat.
- d) Laporan CSR perlu dibentangkan oleh setiap kumpulan dan dihantar semasa minggu Peperiksaan Akhir mengikut tarikh yang akan ditetapkan oleh Unit Peperiksaan.
- e) Format penulisan laporan adalah seperti berikut:
- i. Microsoft word
 - ii. Font : Tulisan jenis Arial, saiz 11
 - iii. Perenggan: Justify
 - iv. Langkau baris: 1.5

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab